

MAJLIS DAERAH RAUB  
PAHANG DARUL MAKMUR

**KENYATAAN SEBUTHARGA**

- 1.0 Sebutharga adalah dipelawa daripada syarikat/kontraktor yang berdaftar dengan PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK) DAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB) – MEMPUNYAI PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PPK) DAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) DENGAN GRED G2 yang masih dibenarkan untuk menyertai sebutharga bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut :-

BIL. SEBUTHARGA & TAJUK KERJA	HARGA DOKUMEN (RM)	KATEGORI & PENGKHUSUSAN	TARIKH & MASA TAKLIMAT	TARIKH TUTUP
1) MDR / JKB / JLN / 1 / 2021 KERJA-KERJA MENAIKTARAF LANDSKAP TAMAN TASIK RAUB BAGI MAJLIS DAERAH RAUB.	50.00	CE – CE14 (Landskap) DAN CE – CE21	-	<b>13 JUL 2021</b>

- 2.0 Naskah Sebutharga akan dipamirkan mulai daripada **06 JUL 2021** hingga **13 JUL 2021** di Jabatan Kawalan Bangunan, Majlis Daerah Raub mulai jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang waktu pejabat.
- 3.0 Dokumen Sebutharga akan dijual mulai **06 JUL 2021** hingga **09 JUL 2021** Dokumen Sebutharga akan dijual mulai jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang.
- 4.0 Kontraktor yang ingin memasuki sebutharga ini adalah dikehendaki mengeluarkan Wang Pos/Wang Kiriman Pos/Bank Deraf/Tunai berharga seperti ditetapkan di para 1 bagi setiap naskah sebutharga yang dibuat atas nama Yang DiPertua, Majlis Daerah Raub, 27600 Raub, Pahang Darul Makmur sebagai bayaran pembelian dokumen sebutharga dan bayaran tersebut tidak akan dikembalikan
- 5.0 Hanya pemilik lesen PKK & CIDB sahaja dibenar membeli borang sebutharga.
- 6.0 Dokumen sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada **PEMILIK LESEN** yang sah sahaja. Untuk maksud ini, lesen pendaftaran **ASAL** Pusat Khidmat Kontraktor dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia hendaklah ditunjukkan semasa memohon dokumen sebutharga.

- 7.0 Sebutharga ini akan ditutup pada tarikh ditetapkan di para 1. Dokumen sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan dalam sampul surat berlakri yang bertulis tajuk kerja di bahagian atas sebelah kiri sampul surat. Dokumen sebutharga ini hendaklah dialamatkan kepada :-

**YANG DIPERTUA,  
MAJLIS DAERAH RAUB,  
27600 RAUB.**

dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga sebelum jam **12.00 tengahari** pada hari sebutharga ditutup.

- 8.0 Majlis tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau sebarang sebutharga dan semua perbelanjaan bersabit dengan sebutharga ini adalah menjadi tanggungjawab kontraktor sendiri.

Bertarikh : 1/7/2021



**(MOHD PAUZI BIN HAJI ABU HUSSAINI  
AAP., AMP.)**

Setiausaha,  
Majlis Daerah Raub.

S.K

1. Fail Terapung MDR. 5815 Jld.8